

14 NOV 2000

Syed Hamid-Pembaharuan

MALAYSIA GEMBIRA HASIL SIDANG OIC

Oleh: Muin Abdul Majid

DOHA (Qatar), 14 Nov (Bernama) -- Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) bersetuju dengan pendapat Malaysia bahawa badan berusia 31 tahun itu perlukan pembaharuan dan ini dirumuskan dalam satu resolusi.

Usul itu mahu perunding dilantik untuk mengkaji bagaimana pembaharuan seumpama itu dapat dilaksanakan.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata itu merupakan satu pencapaian Malaysia di Sidang Kemuncak OIC kesembilan yang berakhir lewat Isnin di samping Kuala Lumpur diberikan penghormatan untuk menganjurkan sidang kemuncak kesepuluh pada 2003.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa berucap mewakili negara-negara Asia pada perasmian sidang itu Ahad lepas meminta peranan OIC dikaji semula.

"Pengerusi OIC sekarang (Qatar) sepatutnya membuat susulan mengenai perkara ini dan kemudian baru dilantik perunding," kata Syed Hamid kepada wartawan Malaysia di sini hari ini.

Beliau juga berkata Malaysia telah memberi ikrar akan menyumbang US\$1 juta (RM3.8 juta) bagi membantu dalam pentadbiran OIC.

"Tetapi apa yang menggembirakan kita ialah bahawa Malaysia telah diberikan penghormatan untuk menjadi tuan rumah sidang kemuncak 2003. Ia hasil kehadiran Dr Mahathir di Doha," katanya.

Beliau berkata sebenarnya giliran Afrika untuk menjadi tuan rumah sidang kemuncak OIC kesepuluh tetapi mesyuarat Doha membuat pengecualian kerana calon-calonnya iaitu Gambia dan Senegal sedia menarik diri bagi memberi laluan kepada Malaysia.

Malaysia memperolehi satu lagi kejayaan kerana telah dipersetujui bahawa ia akan mengambil alih jawatan penolong setiausaha agung OIC dari 1 Julai 2003 hingga 30 Jun 2005 selepas penggal Pakistan selama dua tahun.

Syed Hamid berkata Dr Mahathir juga gembira kerana kenyataan dan teguran beliau telah diterima dengan baik oleh perwakilan.

Menteri Luar itu turut menyatakan bahawa Malaysia telah menawarkan untuk merawat rakyat Palestin yang cedera dalam perjuangan menentang Israel yang menduduki wilayah mereka.

Tawaran itu telah dikemukakan kepada Presiden Palestin Yasser Arafat yang menghadiri sidang kemuncak pemimpin-pemimpin Islam di Doha.

"Kita sedia terima mereka yang memerlukan rawatan," katanya.

Syed Hamid berkata OIC telah bersetuju untuk menghantar delegasi menteri-menteri luar ke Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu untuk merayu agar Israel menghentikan keganasan terhadap rakyat Palestin.

"Saya telah dihubungi mengenai perkara ini," katanya.

-- BERNAMA

MAM NHA ZS RHM MAI